

Dadah: Bekas banduan bakal ke tali gantung

March 9, 2016, Wednesday



Martin menunjukkan barangan dirampas sambil disaksi oleh Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Sibu DSP Yeoh Chun Shyan dan Inspektor Mohd Safwan Suhaimi (kanan).

SIBU: Tidak serik keluar masuk penjara, seorang penagih dadah bakal berdepan hukuman tali gantung selepas dia ditahan kerana memiliki dadah jenis syabu seberat 162.56 gram.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sibu Superintenden Martin Koo berkata, dadah berkenaan dirampas di dua lokasi berasingan dengan nilai keseluruhan jualan jalanan sebanyak RM40,600.

“Bertindak maklumat awam, polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Sarawak telah menahan seorang lelaki berumur 51 tahun dalam satu serbuan ke atas sebuah rumah di Lorong Aping, Jalan Salim pada jam 11.45 pagi 6 Mac lalu,” katanya pada sidang akhbar di sini, pagi semalam.

Katanya, polis menjumpai satu paket plastik lutsinar mengandungi sembilan paket kecil berisi ketulan kristal dipercayai dadah jenis syabu seberat 6.40 gram.

Suspek kemudian diiringi pasukan polis untuk menunjuk arah ke sebuah lagi rumah di Jalan Permai Jaya 13 dan menjumpai satu plastik lutsinar mengandungi lima paket kecil lutsinar seberat 156.16 gram disimpan di dalam lima paket plastik.

Menurut Martin, polis percaya rumah tersebut telah dijadikan tempat untuk melakukan aktiviti pembungkusan dadah di mana alat penimbang elektronik juga ditemui.

Sebuah kereta Kenari dengan nilai RM15,000 turut dirampas daripada suspek dan ujian awal saringan air kencing suspek didapati positif dadah jenis Amphetamine.

Untuk rekod, suspek pernah ditahan beberapa kali kerana kesalahan berkaitan penyalahgunaan dadah termasuk dipercayai menjadi pengedar dan penagih.

“Suspek bukan sahaja seorang pengedar tetapi juga seorang penagih dan baharu dibebaskan dari Penjara Sibu atas kesalahan yang sama November tahun lepas,” katanya.

Tambahnya, suspek telah direman dari 7 hingga 13 Mac dan kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 39 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan.